

UMS pupuk kesedaran pemuliharaan penyu

UB 23.11.2023 P.06

Laksana program pendidikan di Pulau Bohey Dulang, Semporna

SEMPORNA: Menyedari penyu antara haiwan marin yang tergolong dalam spesies terancam, Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus menggiatkan pelbagai usaha agar haiwan berkenaan tidak diancam kepususan.

Terbaru, UMS membawa sejumlah 20 pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah berserta guru iringan di sekolah sekitar daerah Semporna ke Pulau Bohey Dulang, Semporna bagi program pendidikan berkaitan penyu di pulau itu.

Antara sekolah yang terlibat adalah SK Bangau-Bangau, SK Kg. Simunul, SMK Kabongan II, dan SMK Datuk Panglima Abdullah.

Rombongan UMS yang diketuai oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor serta rombongan

pelajar sekolah telah diberi penerangan ringkas oleh pegawai dari Taman-Taman Sabah berkaitan proses kehidupan dari anak penyu hingga penyu dewasa.

Sesi perkongsian itu turut mengupas berkaitan faktakta am berkaitan penyu, serta kepentingan usaha memulihara penyu dan habitat marin yang menjadi tanggungjawab semua pihak.

Dalam pada itu, Kasim dalam kunjungannya ke pulau berkenaan memaklumkan UMS sentiasa menyokong sebarang usaha terhadap memupuk kesedaran berkaitan kepentingan menjaga alam sekitar, kepelbagaian spesies haiwan dan alam sekitar.

"Melihat kepada keindahan khasanah alam yang terdapat di Pulau Bohey Dulang ini, saya percaya pulau

ini berpotensi untuk menjadi tarikan pelancong melalui aktiviti pengembangan dan pendidikan.

"UMS juga amat gembira dapat membawa sekumpulan pelajar sekolah rendah dan menengah ke pulau ini bagi menambah pengertuan mereka berkaitan kepelbagaian biodiversiti khususnya haiwan penyu," katanya.

Kasim turut berpesan kepada peserta agar terus belajar bersungguh-sungguh dan menanam minat terhadap matematik pelajaran berkaitan sains agar mampu menjadi generasi yang meneruskan lagi tanggungjawab terhadap pemuliharaan haiwan dan alam sekitar.

Pada program itu, Kasim turut menyempurnakan perasmian Projek Kelestarian Penyu Dan Edu-Tourism



PERKONGSIAN ILMU: Kasim bersama-sama rombongan pelajar sekolah di daerah Semporna.



RASMI: Kasim morasmikan Projek Kelestarian Penyu Dan Edu-Tourism UMS dan Taman-Taman Sabah.

UMS dan Taman-Taman Sabah, serta acara pelepasan anak-anak penyu di laut.

Hadir sama Timbalan Pengarah (Pentadbiran, Ke-

wangan, Penyelidikan & Inovasi) Taman-Taman Sabah, Rimi Repin dan Pro-

fesor di Fakulti Sains Sosial Dan Kemasyarakatan (FSSK)

UMS, Prof. Dr. Ismail Ali yang juga merupakan Ketua Projek Kelestarian Anak-anak Penyu di Pulau Bohey Dulang, Semporna.

PENYU: Kasim menyempurnakan acara pelepasan anak-anak penyu di laut.

 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH